



Empat tokoh agama yang terpilih menjayakan Madrasah AlHijrah, dari kiri, Ghazali, Haslin, Mohd Sukki dan Izhar Ariff.

Kuiz jadi daya tarikan

Tampil lebih segar dengan pengisiannya, musim baharu Madrasah AlHijrah akan menampilkan empat tokoh agama baharu yang mahir dan berilmu.

Mereka ialah Pensyarah Kanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Sukki Othman yang akan mengendalikan Madrasah AlHijrah Tafsir. Topik itu akan ditayangkan setiap Isnin yang mana penonton disajikan dengan pembelajaran tafsir Juz'Amma bermula dengan surah *al-Fatihah* hingga surah *al-Fajr*.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Izhar Ariff Mohd Kassim pula mengendalikan Madrasah AlHijrah Syariah. Topik yang akan

ke udara setiap pagi Selasa itu akan membincangkan mengenai pengajian syariah muamalat iaitu ilmu halal haram jual beli, pemasalahan jual beli dan sebagainya.

Pembelajaran dua hala

Madrasah AlHijrah ditayangkan pada Rabu pagi pula akan memberi fokus kepada akhlak yang akan dikendalikan oleh Ustaz Haslin Baharim. Pengajian musim ketiga ini membincangkan mengenai akhlak terhadap deria tubuh badan yang pertama kali menggunakan rujukan dari buku *Penawar Bagi Hati*.

Slot terbaharu untuk Madrasah AlHijrah Sirah pula ditayangkan pada hari Khamis yang menampilkan Ustaz Ghazali

Ibrahim. Beliau akan memberi fokus kepada pengajian Sirah Nabawiyah serta salasilah Nabi Muhammad SAW.

Norshirah berkata, pengajian ilmu di Madrasah AlHijrah berlandaskan buku dan rujukan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Penampilan tenaga pengajar baharu juga lebih santai untuk keselesaan peminat yang menonton tanpa tekanan.

"Selain itu, kita juga menyediakan pembelajaran dua hala yang mana kita memberi ruang kepada penonton menerusi kuiz yang disediakan.

"Kuiz itu menyediakan soalan yang bersandarkan pengajian yang disiarkan setiap hari," katanya.